



UPM Didik Masyarakat Mengenai Kanser



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah melancarkan buku 'Pemakanan untuk Pesakit Kanser Payudara' dan 'Pengambilan Tenaga untuk Pesakit Kanser Payudara'.

SERDANG, 4 Feb – Dua entiti Universiti Putra Malaysia (UPM) berganding bahu mendidik masyarakat mengenai penyakit kanser dengan menganjurkan Karnival Kesedaran Kanser dan melancarkan dua buah buku mengenai pendidikan kanser.

Karnival yang dianjurkan oleh Laboratori Penyelidikan Kanser UPM – MAKNA dari Institut Biosains (IBS) dengan kerjasama Laboratori Pendidikan dan perkhidmatan Kanser dari Institut Pengajian Sosial (IPSAS) mengadakan aktiviti forum, pemeriksaan kesihatan dan saringan kanser.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata program tanggungjawab sosial tersebut merupakan pendedahan awal mengenai pencegahan kanser yang bermula daripada gaya hidup seseorang.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah merasmikan 3K sambil diperhatikan oleh Timbalan Pengarah IBS, Prof. Dr. Abdul Rahman Omar (kiri).

"Karnival ini dapat mempromosikan penemuan baru hasil penyelidikan dan kepakaran yang dimiliki UPM melalui Pusat Kecemerlangan IBS dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)," katanya pada majlis Perasmian 3K dan Pelancaran Buku Pendidikan Kanser di sini.

Selain karnival, majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran buku pendidikan kanser penyelidik UPM yang pakar dalam bidang pemakanan dan dietetik iaitu Dr. Zalina Abu Zaid, Prof. Madya Dr. Zalilah Mohd Sharif dan Prof. Madya Dr. Mirnalini Kandiah.



Presiden MAKNA, Dato' Farid Arifin (kiri) ditemani Naib Canselor, UPM melawat salah satu pameran kanser.

Pengarah IPSAS, Prof. Dr. Md. Salleh Hj. Hassan berkata buku yang bertajuk 'Pemakanan untuk Pesakit Kanser Payudara' dan 'Pengambilan Tenaga untuk Pesakit Kanser Payudara' merangkumi aspek seperti pengambilan tenaga, perubahan berat badan, pengambilan lemak, aktiviti sosial, pengambilan buah-buahan dan sayuran, pengambilan suplemen diet serta pengambilan alkohol.

Dua buah buku tersebut merupakan antara 8 buah buku yang diterbitkan melalui dana sumbangan oleh Boeing Corporation yang menekankan konsep bahan pendidikan tahap mudah (low literacy level) dan boleh didapati di Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE) FPSK, UPM atau menghubungi talian bebas tol KanHelpLine 1-800-22-2233.

Karnival yang bertemakan 'Kanser Boleh Dicegah Juga' tersebut berlangsung selama dua hari dari 4 hingga 5 Februari 2010 sempena Hari Kanser Sedunia yang disambut pada 4 Februari setiap tahun.



Prof. Madya Dr. Latiffah A. Latiff (bertudung ungu) menerangkan teknik memeriksa kanser payudara kepada Datuk Naib Canselor.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013).